



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**POLISI**

**POLISI ANTIRASUAH  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**KELUARAN : 1 (PINDAAN)(NO. 1) 2020**

**19 JUN 2020**

**MAKLUMAT TERKAWAL**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Polisi ini bolehlah dinamakan **Polisi Antirasuah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Keluaran: 1)(Pindaan)(No.1) 2020.**

(2) Polisi ini mula berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia ditandatangani.

**Pindaan perkara 7**

2. Polisi Antirasuah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Keluaran: 1) dipinda selaras dengan berlakunya perubahan ke atas emel rasmi aduan Antirasuah Jabatan Kastam Diraja Malaysia di perkara 7 seperti berikut:

Ketua Pengarah Kastam  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.3, Persiaran Perdana  
Presint 2, 62596, Putrajaya  
(u.p: Ketua Cawangan Integriti)

Emel: [antirasuah@customs.gov.my](mailto:antirasuah@customs.gov.my)

DATO' ABDUL LATIF BIN ABDUL KADIR  
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Tarikh: 19/6/20

POLISI  
**ANTIRASUAH**  
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Unit Integriti  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Ini merupakan polisi kami ke arah JKDM bebas rasuah / *towards a corrupt-free RMCD*, yang disasarkan selaras dengan aspirasi negara supaya “Malaysia dikenali kerana integriti bukannya rasuah”
- 1.2 Polisi ini akan menjadi panduan dalam memastikan pelaksanaan tugas Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bebas daripada ancaman rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan berdasarkan prinsip integriti, akauntabiliti dan ketelusan.
- 1.3 Polisi ini merupakan komitmen bertulis JKDM yang akan sentiasa disesuaikan dengan perubahan peraturan dan undang-undang semasa Kerajaan.

## 2. PERNYATAAN POLISI

Sebagai mendukung matlamat ke arah JKDM Bebas Rasuah, JKDM **komited** untuk:

- 2.1 mengambil pendekatan **toleransi sifar terhadap rasuah / zero-tolerance towards corruption** dan komited untuk memastikan segala urusan yang berhubung dengan tujuan dan konteks JKDM dilaksanakan secara berintegriti, berakauntabiliti dan telus;
- 2.2 memastikan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan berdasarkan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)** dan **Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR)** dengan terancang, menyeluruh melalui Jawatankuasa Antirasuah (JAR) serta disampaikan kepada semua lapisan warga dan pelanggan;
- 2.3 mengakui bahawa perlakuan rasuah adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), dan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara jika disabitkan kesalahan;
- 2.4 mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana kakitangan atau pihak berkepentingan yang terlibat dengan perlakuan rasuah, salahguna kuasa atau penyelewengan, berlandaskan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa

- 2.5 memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung amalan rasuah di dalam organisasi serta agensi-agensi yang berkaitan ke arah penambahbaikan berterusan SPAR.
- 2.6 menggalakkan supaya sebarang pemberian dan permintaan rasuah kepada pegawai JKDM oleh mana-mana orang dilaporkan kepada SPM.
- 2.7 memastikan maklumat berhubung perlakuan rasuah dan identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).

### **3. PEMAKAIAN POLISI**

Polisi Antirasuah ini adalah terpakai kepada semua warga JKDM (sama ada tetap atau sementara) kakitangan kader, pelatih atau mana-mana individu yang dilantik oleh JKDM sebagaimana seksyen 10 Akta Kastam, individu, individu berpengaruh, konsultan, agen atau wakil syarikat yang berurusan dengan tugas-tugas rasmi JKDM.

### **4. TAKRIFAN RASUAH**

#### **Rasuah**

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

#### **Suapan**

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694

### **5. JENIS-JENIS KESALAHAN RASUAH**

#### **5.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694**

- 5.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau

5.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan**, **menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

**5.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694**

5.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetuju terima** atau **memperoleh** daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

5.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan** atau **bersetuju untuk memberikan** atau **menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

**5.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694**

Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa-apa pernyataan yang palsu** atau **silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya

**5.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694**

Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta** atau **menerima**, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu

**5.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694**

Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan atau kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

**5.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694**

5.6.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

5.6.1.1 **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh tahun; dan**

5.6.1.2 **didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau **sepuluh ribu ringgit**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

5.6.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

5.6.2.1 **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh tahun; dan**

5.6.2.2 **didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

**5.7 Kesalahan menerima barang berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh**, atau **setuju untuk menerima** atau **cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barang berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali**.

**5.8 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)**

Mana-mana orang yang **melakukan pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali**.

**6. GARIS PANDUAN PENCEGAHAN RASUAH**

Dalam memastikan usaha-usaha pencegahan rasuah dapat dilaksanakan secara menyeluruh, JKDM akan melaksanakan dan memastikan dasar, perintah dan undang-undang berikut dipatuhi.

**6.1 Tindakan Ke Arah Mencegah Rasuah, Penyelewengan Dan Penyalahgunaan Kuasa Dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Garis panduan yang merangkumi arahan dan peraturan yang berkuatkuasa serta peranan penyelia ke arah mencegah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang berlaku di dalam Jabatan melalui penguatkuasaan Perintah Am Jabatan Bil.113

**6.2 Penerapan, Pengukuhan Dan Pemantapan Nilai-Nilai Murni Dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

Garis panduan berkenaan langkah yang boleh diambil bagi menerap, mengukuh dan memantapkan nilai-nilai murni, peranan pengurusan atasan dan warga boleh dirujuk kepada Perintah Am Jabatan Bil.114

**6.3 Dasar Penerimaan Hadiah dan Tajaan**

Mana-mana pegawai dan warga JKDM hendaklah tidak, secara langsung atau tidak langsung, meminta, menerima sebarang hadiah, ganjaran, keraian, hiburan, pinjaman, atau apa-apa nilai kewangan untuk diri sendiri ataupun orang lain daripada mana-mana orang, pihak-pihak, ejen, pembekal, kontraktor, atau mana-mana pihak-pihak lain dalam melakukan tugas rasmi sepertimana dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 : Garis Panduan Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Di Dalam Perkhidmatan Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008 : Pihak Berkuasa Meluluskan Penerimaan Hadiah Oleh Jabatan Kerajaan

**6.4 Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh Atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan**

Panduan tindakan yang perlu dilakukan oleh pegawai perkhidmatan awam ke atas sokongan yang diterima olehnya mengenai sesuatu

urusian kerajaan dengan melaporkan kepada Ketua Jabatan atau kepada agensi berkaitan seperti SPRM, JPA dan sebagainya dinyatakan dengan di dalam Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-Mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan : Jabatan Perdana Menteri 8 Mac 2010

#### **6.5 Pekerjaan Luar**

Warga JKDM yang ingin melakukan pekerjaan luar perlulah terlebih dahulu memperolehi kelulusan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia Ibu Pejabat melalui perakuan daripada Pengarah Kastam Negeri atau Pengarah Bahagian berdasarkan syarat tertentu seperti digarisikan di dalam Perintah Tetap Perjawatan Bil.57

#### **6.6 Pusingan Kerja dan Penempatan Pegawai**

Panduan dan tatacara berkaitan pelaksanaan penempatan pegawai, bidangkuasa, permohonan pertukaran, pertukaran pegawai bermasalah, pembiayaan pertukaran, tanggungjawab Ketua Jabatan, penalti, penangguhan pertukaran dan panel pertukaran boleh dirujuk kepada Perintah Tetap Perjawatan Bil.78 yang berkuatkuasa.

#### **6.7 Kewajipan Melapor Rasuah**

Memberi kesedaran kepada warga Jabatan tentang peranan dan tanggungjawab untuk melaporkan rasuah daripada mana-mana orang yang berurusan dengan Jabatan dan juga panduan tindakan yang perlu diambil oleh pegawai jika diberi, dijanji atau ditawarkan rasuah selaras dengan kehendak Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti dinyatakan di dalam Perintah Tetap Perjawatan Bil.83

#### **6.8 Perlindungan Pemberi Maklumat**

Pemberi maklumat (whistle blower) boleh melaporkan sebarang isu melibatkan integriti, salah guna kuasa dan rasuah yang dihadapinya melalui kaedah pelaporan khusus yang ditetapkan oleh Jabatan. Pemberi maklumat juga boleh mendapat pengiktirafan daripada Jabatan hasil maklumat yang disalurkan melalui pelaksanaan Perintah Tetap Perjawatan Bil.56 : Peranan Penggerak Etika (Whistle Blower) Di Kastam Diraja Malaysia.

#### **6.9 Pengiktirafan Kepada Pelapor Rasuah**

Penjawat awam yang melaporkan penawaran dan pemberian rasuah layak mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan sebagai penghargaan ke atas usaha memerangi jenayah rasuah. Ganjaran diberikan adalah berbentuk wang , sijil penghargaan dan juga pertimbangan untuk

pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau negeri berdasarkan kriteria ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah berkuatkuasa 1 Jun 2011.

## 7. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:-

Ketua Pengarah Kastam  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.3, Persiaran Perdana  
Presint 2, 62596, Putrajaya  
(u.p: Ketua Cawangan Integriti)

Emel: [cijkdm@customs.gov.my](mailto:cijkdm@customs.gov.my)

## 8. TARIKH KUATKUASA

Polisi ini berkuat kuasa serta merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

## 9. PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Antirasuah ini penting bagi mencapai sasaran "zero tolerance towards corruption" seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini juga akan menjadikan JKDM antara agensi peneraju perkhidmatan awam dalam pelaksanaan inisiatif antirasuah.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM  
Ketua Pengarah Kastam  
MALAYSIA

3/2/20